

19/04/2001

UIAM contoh kepada institut pengajian Islam

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebagai universiti yang berkonsepkan Taman Ilmu dan Budi, boleh dijadikan contoh kepada institusi pengajian tinggi Islam di negara lain.

Ketua Pengarah Institut Teknologi Islam (IIT), Persidangan Pertubuhan Islam (OIC), Bangladesh, Prof Dr M Anwar Hossain kagum dengan kecemerlangan dan penubuhan UIAM.

"Ini adalah kali kedua saya ke UIAM dan pernah berjumpa dengan Rektor UIAM tahun lalu serta mengadakan perbincangan untuk bekerjasama dalam beberapa bidang, termasuk kejuruteraan.

"Kita berminat menjalinkan kerjasama dengan UIAM berikutan persamaan dalam beberapa bidang, termasuk pengajian kejuruteraan," katanya ketika ditemui pada Persidangan Agung Kedua Kesatuan Universiti Negara Islam (FUIW), di sini hari ini.

Persidangan yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam didahului Mesyuarat Keenam Majlis Eksekutif FUIW. Ia diadakan bersempena perasmian Kampus UIAM di Gombak oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kira-kira 100 naib canselor, presiden dan rektor institut pengajian tinggi Islam dari 45 negara menyertai persidangan berkenaan.

Dr M Anwar berkata, IIT adalah intitusi pengajian tinggi Islam yang bernaung di bawah OIC. Sehubungan itu, penuntut yang belajar di IIT dibiayai oleh OIC. Pelajar Malaysia yang berminat untuk menyambung pelajaran di IIT boleh menghubungi Kedutaan Malaysia di Dhaka untuk maklumat lanjut.

Katanya, FUIW perlu terus wujud kerana ia akan menyatukan institusi pengajian tinggi Islam di seluruh dunia dalam satu landasan bagi memajukan umat Islam, khususnya.

"Persidangan ini bukan untuk membincangkan perkara politik, kita semua mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menyatukan umat Islam. Bersatu padu adalah perkara utama dalam Islam yang perlu dipertingkatkan," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dekan Pengajian Inggeris, Universiti Islamic American, Michigan, Amerika Syarikat, Prof Abdalla M Ali berkata pesanan Dr Mahathir dalam perasmian UIAM semalam perlu dijadikan panduan.

"Benar kata beliau, Islam adalah cara hidup dan kita tidak boleh asingkan antara Islam dan sains," katanya.

Beliau berkata, walaupun penyertaannya dalam FUIW kali ini sebagai pemerhati, banyak perkara yang boleh dilakukan bagi memajukan IPT Islam di seluruh dunia.

(END)